

U B146 DEB

MAHATHIR - PERKAUMAN

(1)

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA) -- PENERUSI BARISAN NASIONAL DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATI PARA PEMIMPIN BN TERMASUK DARIPADA MCA SUPAYA MENGELAKKAN UCAPAN PERKAUMAN.

PADA MASA YANG SAMA AKHBAR HENDAKLAH BERWASPADA DENGAN APA YANG DITULIS DAN DITERBITKAN KERANA IA PENTING UNTUK TIDAK MENIMBULKAN PERASAAN PERKAUMAN DALAM NEGARA PELBAGAI KAUM SEPERTI MALAYSIA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB SOALAN SEORANG PEMBERITA DALAM SIDANG AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN DI SINI.

PEMBERITA ITU MENDAKWA BAHAWA UCAPAN PARA PEMIMPIN MCA AKHIR-AKHIR INI MENGANDUNGI UNSUR PERKAUMAN. -- BERNAMA
1843MST 17 08 85